

**Zahid harap tiada sentimen perkauman pada persidangan Umno kali ini**  
**Free Malaysia Today**  
**Nov 28, 2016**  
**Aedi Asri**

**Katanya, pendekatan yang menumpukan isu Melayu tidak perlu diulang kerana boleh mengundang salah faham orang lain.**

KUALA LUMPUR: Menjelang Perhimpunan Agung Umno (PAU) 2016 esok, Naib Presidennya Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi mengingatkan perwakilan agar tidak menjadikan persidangan itu sebagai pentas mengeluarkan kenyataan berbaur perkauman.

Timbalan perdana menteri itu bagaimanapun yakin perhimpunan kali ini akan mengangkat isu yang lebih inklusif dan bukan hanya tertumpu soal orang Melayu.

“Kita tahu suara-suara sebelum ini dalam PAU bertujuan memperjuangkan soal agama dan orang Melayu, dan bukannya untuk meminggir agama dan kaum lain. Tetapi ia disalahtafsir.

“Maka saya lihat pendekatan terdahulu tidak harus diulang, dan jika ada ia tangani di peringkat dalaman. Tidak perlu jadikan PAU sebagai pentas kerana boleh menyebabkan salah faham mereka di luar Umno,” katanya dalam wawancara bersama FMT di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

PAU sejak beberapa tahun dikritik kerana ucapan perwakilan yang bersifat perkauman.

Pada 2014, perwakilan dipertontonkan video tragedi 13 Mei 1969 ketika ucapan dasar Presiden, Datuk Seri Najib Razak.

Zahid berkata cabaran yang dihadapi Umno ketika ini adalah untuk mengukuhkan perpaduan parti, apatah lagi selepas beberapa tokoh dan pimpinan meninggalkan parti itu.

Beliau merujuk tokoh seperti Tun Dr Mahathir Mohamad, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Datuk Seri Shafie Apdal yang kini menubuhkan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) dan Parti Warisan Sabah (Warisan).

“Kita tidak pernah merasa kehilangan dengan beberapa tokoh ini, ini adalah kali ke-4 Umno berhadapan dengan keadaan pimpinan dahulu tidak lagi berada di dalam parti.”

Menurutnya, 3 peristiwa tersebut adalah apabila pengasas Umno Datuk Onn Jaafar keluar parti pada 1951, konflik dalaman antara Dr Mahathir dengan Tengku Razaleigh

Hamzah pada 1987 hingga menyebabkan Umno diharamkan, dan susulan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 1998.

“Ini cabaran yang kita hadapi, dan tidak boleh mengenyepikannya sebagai cabaran biasa. Umno perlu lipat gandakan usaha untuk mengukuhkan kesatuan ahli dan pimpinan di seluruh peringkat,” katanya lagi.

**Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.**

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/11/28/zahid-harap-tiada-sentimen-perkauman-pada-persidangan-umno-kali-ini/>